



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SISTEM KESELAMATAN ELEKTRONIK BERSEPADU (SKEB) PERKASA ASPEK PENGAWASAN DAN KESELAMATAN PENJARA SIMPANG RENGAM DAN PUSAT PEMULIHAN AKHLAK MUAR

KLUANG, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah menghadiri Majlis Penyerahan Projek Siap Pembangunan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB) bagi Penjara Simpang Renggam, Johor dan Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Muar.

2. Kedua – dua projek ini adalah milik Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan nilai berjumlah sebanyak **RM23.122 juta**. Agensi pelaksanaannya ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan Pengarah Kerja Raya Johor sebagai Pegawai Penguasanya manakala syarikat kontraktor ialah Electrica Technology Sdn. Bhd. Projek SKEB telah dimulakan pada 4 Mac 2022 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah berjaya dikeluarkan pada 21 Oktober 2024 mengikut masa yang telah ditetapkan setelah pengujian keseluruhan sistem dilaksanakan.

3. Pelaksanaan teknologi SKEB ini merupakan satu inisiatif yang sangat kritikal dalam usaha untuk memperkukuh aspek pengawasan, keselamatan dan tindakan bagi sesebuah institusi penjara dengan risiko kes-kes lari dan lain-lain yang tidak diingini disasarkan kepada sifar.

4. Antara skop projek ini ialah pemasangan *Closed Circuit Television (CCTV) System* yang mempunyai liputan yang lebih luas dan menyeluruh, *Electronic Access Control System*, *IP Security Intercom System*, *Integrated Security Management System (ISMS)* dan kerja-kerja pemasangan elektrik voltan rendah serta kerja-kerja kejuruteraan awam. Bagi memperkasakan sistem keselamatan Penjara Simpang Renggam yang dikategorikan sebagai Penjara Maksimum ini, sebanyak 758 CCTV pelbagai jenis seperti *dome*, *bullet*, *corner mount*, *panaromic* dan *pan-tilt-zoom (PTZ)* telah dipasang. Manakala di PPA Muar pula, ia dilengkapi dengan 106 CCTV pelbagai jenis.

5. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pengurus projek ini dapat mengekalkan momentum penyiapan projek-projek yang lain dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa.

KKR sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh KDN kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana untuk menyiapkan infrastruktur keselamatan negara ini.

6. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selama setahun bermula tarikh CPC dimana pihak JKR Malaysia akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan projek supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
8 DISEMBER 2024